

Aktiviti Ekonomi Sempadan di Perairan Sg. Golok-Rantau Panjang: Isu dan cabaran

Fauzi Hussin
Email: fauzi@uum.edu.my

Norehan Abdullah
Email: norehan@uum.edu.my

Hussin Abdullah
Email: hussin2141@uum.edu.my
Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Universiti Utara Malaysia

Selamah Maamor
Email: selamahm@uum.edu.my
Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Perairan Sungai Golok sepanjang kira-kira 29.9 kilometer bermula dari Pengkalan Kubor, Tumpat hingga Rantau Panjang, Kelantan menjadi sempadan utama yang memisahkan negeri Kelantan (Malaysia) dengan wilayah Narathiwat, Thailand. Dari segi penguatkuasaan di sempadan perairan Sungai Golok dan zon bebas cukai Rantau Panjang didapati terdapat pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh anggota-anggota keselamatan dari agensi-agensi tertentu yang bertugas mengawal sempadan berkenaan. Walaupun terdapat anggota keselamatan seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Unit Kastam (bahagian penguatkuasaan), dan tentera (menggantikan tugas Pasukan Gerak Am) yang mengawal keluar-masuk barangan secara haram melalui Sungai Golok ke/dari zon bebas cukai Rantau Panjang tetapi kemasukan barangan secara haram ini masih berlaku. Kertas kerja ini akan membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh anggota-anggota keselamatan untuk mengawal penyeludupan barangan secara haram di sempadan perairan Sungai Golok dan zon bebas cukai Rantau Panjang serta membincangkan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah penyeludupan tersebut. Kaedah temubual berbentuk diskusi kumpulan pakar (focus group) yang melibatkan pegawai-pegawai agensi penguatkuasa telah dijalankan untuk mengumpul maklumat berkaitan.

Kata kunci: Aktiviti Ekonomi sempadan, penyeludupan, penguatkuasaan sempadan, Malaysia, Thailand.

ABSTRACT

Sungai Golok waters of about 29.9 kilometers from Pengkalan Kubor, Tumpat to Rantau Panjang, Kelantan (Malaysia) became the main boundary that separates the state of Kelantan (Malaysia) with Narathiwat province (Thailand). There are difficulties faced by security personnel from specific agencies manning the border along the waters of Sungai Golok and Rantau Panjang duty-free zone. In terms of border enforcement in the waters of Sungai Golok and Rantau Panjang duty-free zone is found there are various difficulties faced by security personnel from specific agencies. Although there are security personnel such as the Anti-Smuggling Unit (UPP), Customs Unit (the enforcement), and military (replacing the General Operations Force task) that controls the entry and exit of illegal goods through Sungai Golok waters to / from Rantau Panjang duty-free zone, but the entry of goods illegal is still going on. This paper will discuss the issues and challenges faced by security personnel to control the smuggling of illegal goods along the waters of Sungai Golok and Rantau Panjang duty-free zone and discuss several proposals to overcome the problem of smuggling. The interview is in the form of focus groups involving officials of law enforcement agencies was conducted to gather information.

Keywords: Border Economic activity, smuggling, border enforcement, Malaysia, Thailand.

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)

“Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju”

Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

PENGENALAN

Zon bebas cukai yang terletak di Rantau Panjang, Kelantan merupakan kawasan destinasi tarikan pelancong untuk membeli belah kerana harga barangan yang ditawarkan di kawasan zon bebas cukai ini dikatakan jauh lebih murah berbanding dibeli di kawasan bukan bebas cukai. Ini kerana pelbagai jenis barangan dan cenderahati yang dijual di kawasan zon bebas cukai tidak dikenakan sebarang cukai ke atas barangan. Namun begitu, kedudukan Rantau Panjang yang bersempadan dengan Sungai Golok, Thailand ini telah memberi impak yang negatif kepada negara kerana kebanyakan barangan yang dibawa masuk dan keluar adalah secara tidak sah walaupun pelbagai usaha pencegahan dan penubuhan badan-badan berkanun bagi mencegah kegiatan ini tetapi masih kurang berkesan. Pemeriksaan dan kawalan dari Unit Pencegah Penyeludupan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia masih gagal menyekat aktiviti penyeludupan dadah, beras, gula, manusia dan sebagainya kerana dikatakan terdapat banyak pangkalan haram berada di sini untuk melakukan kegiatan haram di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.

Faktor kawasan sempadan antara pekan Sungai Golok dan Rantau Panjang merupakan salah satu penggerak yang penting bagi perkembangan ekonomi kawasan Pekan Rantau Panjang. Ini adalah kerana kemasukan barangan dari negara Thailand secara seludup yang dibawa masuk melalui perairan Sungai Golok apabila dieksploitasi secara profesional akan dapat memberikan kesan berganda (multiplier effect) yang mendorong pengembangan wilayah yang signifikan. Kesan berganda dari kemasukan barangan negara Thailand terutama kemasukan secara haram (penyeludupan) melalui perairan Sungai Golok berlaku di sektor ekonomi serta sumbangannya yang besar terhadap penciptaan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan, khususnya di kawasan penempatan di sepanjang peraliran Sungai Golok dan Rantau Panjang. Rantau Panjang juga di ibaratkan sebagai syurga membeli-belah bagi penduduk luar Kelantan mahupun penduduk di sekitar Rantau Panjang. Pelbagai barangan keperluan boleh diperolehi di Pekan Rantau Panjang dengan harga yang murah dan berpatutan.

PENYATAAN MASALAH

Perairan Sungai Golok sepanjang kira-kira 29.9 kilometer bermula dari Pengkalan Kubor, Tumpat hingga Rantau Panjang, Kelantan menjadi sempadan utama yang memisahkan negeri Kelantan dengan Wilayah Narathiwat, Thailand. Dari segi penguatkuasaan di sempadan perairan Sungai Golok dan zon bebas cukai Rantau Panjang didapati terdapat pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh anggota-anggota keselamatan dari agensi-agensi tertentu yang bertugas mengawal sempadan berkenaan. Walaupun terdapat anggota keselamatan seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Unit Kastam (bahagian penguatkuasaan), dan tentera (menggantikan tugas Pasukan Gerak Am mulai November 2010) yang mengawal keluar-masuk barangan secara haram melalui Sungai Golok ke/dari Zon Bebas Cukai Rantau Panjang tetapi kemasukan barangan secara haram ini masih berlaku. Ini disebabkan terlalu banyak pangkalan haram di sepanjang sempadan perairan Pengkalan Kubor, Tumpat sehingga Rantau Panjang yang boleh digunakan untuk tujuan laluan sampan yang membawa barangan sama ada dari Pekan Sungai Golok (sebelah Thailand) ke Zon Bebas Cukai Rantau Panjang atau sebaliknya. Misalnya, sepanjang Pengkalan Kubor, Tumpat sehingga Rantau Panjang sahaja terdapat lebih daripada 130 pangkalan haram bagi kegiatan penyeludupan. Malah di sepanjang laluan Sg Golok- Zon Bebas Cukai Rantau Panjang sahaja terdapat berpuluh-puluh pangkalan haram. Antara barangan utama yang dibawa masuk ke Thailand melalui pangkalan haram sepanjang zon bebas cukai ini seperti gula, minyak masak dan barang keperluan dapur yang lain. Manakala lebih banyak barangan dari sebelah Thailand yang dibawa masuk secara haram ke zon bebas cukai ini melalui Sungai Golok seperti beras, pakaian tiruan, buah-buahan, perkakasan dapur dan lain-lain (Bernama, 13/5/2009).

Tindakan pihak berkuasa negeri membiarkan pembinaan rumah atas tebing dan rizab Sungai Golok (sebelah zon bebas cukai Rantau Panjang) memudahkan aktiviti penyeludupan berlaku di kawasan sempadan. Ini kerana setiap rumah atas tebing sungai itu mempunyai laluan menuju ke pangkalan haram berdekatan, selain dilengkapi papan gelongsor bagi tujuan penyeludupan pelbagai barangan untuk dibawa keluar atau masuk secara haram. Ramai penduduk Thailand menyeberangi Sungai Golok secara haram untuk membeli pelbagai barangan keperluan harian termasuk barangan bersubsidi seperti minyak masak, gula dan tepung gandum. Terdapat juga penduduk Malaysia yang menggunakan laluan sungai untuk menyeludup masuk barangan keperluan harian seperti beras, pakaian, peralatan dapur dan sayur-sayuran untuk kegunaan sendiri dan berniaga. Selain itu, Sungai Golok juga dijadikan sebagai laluan pelancong dari Kelantan ke Pekan Sungai Golok untuk berhibur (Berita Harian, 2010/05/21)

Ada yang beranggapan bahawa tanpa kegiatan penyeludupan di kawasan sempadan Rantau Panjang- Sungai Golok ini, kegiatan ekonomi di kawasan tersebut akan lumpuh dan pendapatan penduduk akan terjejas kerana ianya merupakan sumber pendapatan utama bagi sesetengah penduduk di sini. Kedudukan kawasan sempadan Malaysia-Thailand yang strategik iaitu hanya dipisahkan oleh sungai golok yang sempit memudahkan penduduk di kedua-dua sempadan untuk meloloskan diri daripada pemantauan pihak penguatkuasaan.

Di sepanjang Sungai Golok terdapat lebih dari 130 pangkalan haram yang digunakan sebagai pangkalan sampan untuk membawa masuk dan keluar barangan serta manusia. Pangkalan haram merupakan pangkalan yang digunakan oleh para penyeludup untuk menjalankan aktiviti penyeludupan. Kewujudan pangkalan yang begitu banyak di tepi sepanjang sungai adalah bertujuan untuk mengaburi mata pihak berkuasa dan memudahkan penyeludup membawa masuk dan keluar barangan melalui sungai.

Hubungan kekeluargaan atau persaudaraan antara penduduk di kedua-dua daerah menjadikan Sungai Golok sebagai laluan pengangkutan yang paling mudah dan cepat berbanding laluan daratan yang memerlukan mereka memasuki negara masing-masing mengikut prosedur yang ditetapkan. Selain daripada itu, laluan ini digunakan oleh pelajar-pelajar, khususnya dari sebelah Thailand untuk belajar di sekolah-sekolah berdekatan zon bebas cukai Rantau Panjang.

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan masalah-masalah yang berlaku di sepanjang sempadan perairan Sungai Golok dan zon bebas cukai Rantau Panjang serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa bagi mencegah kegiatan penyeludupan barangan dan manusia.

KAJIAN LEPAS

Aktiviti Penyeludupan dan Undang-undang

Terdapat banyak kajian terdahulu berkaitan penyeludupan yang membincangkan kesannya kepada ekonomi sempadan. Bruns et al. (2011) telah memberi pandangan berdasarkan bukti empirikal di negara-negara post-sosialis tentang mengapa berlaku aktiviti penyeludupan dan perdagangan secara kecil-kecilan merentasi sempadan. Ia menjelaskan kegiatan aktiviti ekonomi merentasi sempadan telah diterima oleh masyarakat sekitar walaupun menyalahi undang-undang mereka.

Martin dan Panagariya (1983) mendapati penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat terhadap penyeludupan akan meningkatkan kos setiap unit barang dan mengurangkan kuantiti barang import yang diseludup. Mereka menunjukkan bahawa peningkatan penguatkuasaan perundangan anti-penyeludupan meningkatkan kos sebenar setiap unit barang penyeludupan dan harga domestik import, tetapi merendahkan secara mutlak kuantiti dan bahagian import yang tidak sah (haram) dalam jumlah import. Bagaimanapun, model mereka tidak menjelaskan satu kesan jelas menyeludup terhadap kebajikan masyarakat.

Merriman et al. (2000) telah menganalisis statistik hubungan antara diterima tahap barang yang diseludup masuk ke sebuah negara dan transparansi pengurusan peraturan negara dan kerajaan dan urusniaga perniagaan. Didapati ianya lebih mudah untuk mengelak kawalan-kawalan sempadan dan pembayaran cukai barangan di negara-negara yang terlibat adalah tidak telus.

Apabila undang-undang mengkaji keperluan pengenaan cukai terhadap barang yang dibawa masuk merentasi sempadan, Gruber et al. (2003) mendapati keanjalan cukai jualan dari wilayah-wilayah tahap kemasukan barang seludup adalah kurang berbanding dengan keanjalan perbelanjaan isirumah yang menggunakan barang seludup. Sheikh (1974) menyatakan bahawa dalam menggabungkan sumber-sumber pengeluaran, pengangkutan diperlukan untuk menyeludup: jumlah pengangkutan dikehendaki untuk menyeludup satu unit barang yang diimport. Dalam isu penyeludupan barangan dari Indonesia, Pitt (1981) mengkaji eksport sah dan perbezaan harga telah mendapati bahawa wujud lebihan harga dalam negeri daripada harga dunia setelah ditolak cukai maka eksport yang sah nampaknya menyebabkan kerugian mutlak. Kewajaran untuk perdagangan sedemikian ialah keupayaannya mengurangkan kos-kos menyeludup.

Guzman et al. (2008) dalam kajiannya menguji tentang faktor amalan seludup manusia dan peranan pendapatan bukan upah dalam penguatkuasaan sempadan yang optimum. Mereka mendapati bahawa kerajaan pilih untuk menumpukan sumber kepada aspek penguatkuasaan hanya jika kesan penghalang terhadap penyeludup adalah cukup besar. Jika tidak, adalah tidak berbaloi mengenakan cukai kepada masyarakat negara tuan rumah.

Morehouse et al. (2004) berpendapat bahawa batas bidang perundangan jarang mewakili realiti sempadan, malah zon sempadan wilayah dan landskap budaya adalah dilihat dari sudut yang berlainan. Identiti sempadan dibentuk oleh interaksi penduduk dengan sempadan, urus niaga sesama

mereka dan di antara mereka di sempadan berlainan. Selain itu, penduduk sempadan sering memikirkan cara yang sangat pragmatik merundingkan batas sempadan dan dasar-dasar negeri, bahawa usaha kerajaan untuk menubuhkan parameter politik dan ekonomi bagi interaksi merentas sempadan sering tidak sepenuhnya mengawal amalan yang berlaku setiap hari.

Aktiviti Perniagaan dan Perdagangan

Aktiviti perniagaan dan perdagangan di kawasan sempadan bukanlah perkara yang baru. Pintu sempadan kerap dijadikan sebagai pintu rezeki bagi sesetengah peniaga yang mengambil kesempatan atas ketersediaan barangan negara jiran yang biasanya 1) tidak terdapat di pasaran tempatan; dan 2) lebih murah berbanding barangan yang sama buatan tempatan. Kemasukan barangan dagangan yang diisytihar tidak menjadi masalah tetapi sebaliknya jika kemasukan adalah secara haram atau seludup, atas alasan tidak mahu membayar cukai, maka itu merupakan masalah kepada negara. Rangkaian perdagangan antara sempadan bukanlah isu yang ringkas dan mudah diulas. Schoenberger dan Turner (2008) telah mengkaji bagaimana rangkaian perdagangan merentasi sempadan yang diamalkan oleh penduduk etnik minoriti dan etnik majoriti Kinh di tanah tinggi di barat laut Vietnam dengan penduduk di barat daya China. Hasil kajian menunjukkan bahawa melalui kegiatan perdagangan ini, akses sempadan adalah isu kompleks di antara komponen masyarakat yang berlainan, iaitu bukan sahaja dari segi polisi negeri tetapi juga hubungan antara etnik berlainan dalam merebut peluang-peluang ekonomi.

Kajian oleh Noor Rahamah et al (2012) tentang kawasan sempadan Kalimantan Barat dan Serikin Sarawak mendapati bahawa peniaga dari Indonesia yang terlibat dalam aktiviti perdagangan dan keusahawanan adalah pemilik perniagaan secara kecil-kecilan. Keterlibatan mereka dalam aktiviti perniagaan dipengaruhi oleh kedua-dua faktor tarikan (peluang perniagaan) dan tolakan (pengangguran di negara asal). Hubungan kekeluargaan yang masih wujud membantu peniaga menjalankan perniagaan dengan lancar. Pemilihan untuk kekal menjalankan perniagaan memberi kan wujudnya satu pola hubungan antara komuniti di kedua-dua sempadan. Faktor ekonomi dan sosio budaya merupakan faktor utama menggalak kepada bertambahnya bilangan peniaga di kawasan sempadan.

Kajian aktiviti perniagaan di sempadan negara Jerman dan Belanda oleh Klantt & Herrmann (2011) mendapati bahawa faktor *difference of attractiveness* di kawasan sempadan setiap negara yang berjiran merupakan impetus kepada aktiviti perniagaan di kawasan sempadan. Dengan syarat maklumat tentang kerjasama adalah tersedia dan boleh diperolehi dengan mudah melalui biayaan pihak ketiga. Pihak ketiga ini berperanan sebagai pusat maklumat sempadan, penganjur rangkaian, dan organisasi sokongan.

Dari aspek pembangunan wilayah, Andriessee & Westen (2009) mendapati bahawa pelengkap institusi kebangsaan (*institutional complementarities*) di Malaysia yang terhasil daripada peranan utama kerajaan negeri, telah membawa kepada potensi aktiviti ekonomi yang tidak cekap. Di sebelah negara Thailand, sebaliknya pelengkap institusi mereka lebih kepada memberi kebebasan kepada usahawan. Namun, mereka kurang kondusif tentang pembangunan wilayah, apatah lagi isu berkaitan alam sekitar. Mereka merumuskan bahawa pembangunan wilayah yang seimbang memerlukan pasangan institusi pelengkap yang mampu mengintegrasikan pertumbuhan ekonomi dengan strategi teragih. Perhatian yang lebih perlu difokus kepada menggunakan susunatur institusi supaya pembangunan yang tidak mampan dikunci dalam jangka panjang.

Keusahawanan kawasan sempadan diterima sebagai satu strategi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi kawasan yang biasanya bersifat *periferal* kepada jajahan sesebuah negara. Dutta (2010) telah cuba mengenalpasti penentu yang memainkan peranan utama dan penting semasa proses pengantarabangsaan perniagaan kecil di sempadan Bangladesh dan mendapati bahawa satu kefahaman dan kerjasama yang jelas dalam hubungan perniagaan merentas sempadan adalah penting. Ini adalah supaya pembuat keputusan di kedua-dua negara dapat menilai situasi sebenar dengan lebih baik, lalu membuat dasar atau mengubah suai dasar sedia ada mengikut kesesuaian.

METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data berkaitan kegiatan penyeludupan di sepanjang perairan Sungai Golok ini dilakukan menggunakan diskusi kumpulan pakar (*focus group*). Diskusi Panel Kumpulan Pakar melibatkan enam orang pakar berkaitan isu penyeludupan, perniagaan dan pelancongan telah dijemput untuk membincangkan tajuk berkenaan. Mereka adalah wakil kepada unit penguatkuasaan dan ahli akademik. Antaranya pegawai UPP, Kastam, Imigrasi, Majlis Daerah dan pensyarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Diskusi panel kumpulan pakar ini bertujuan mendapatkan maklumat serta pandangan pakar tentang isu penyeludupan barangan melalui Sg Golok ke kawasan zon bebas cukai Rantau Panjang. Berdasarkan temubual dapat dikecualikan kegiatan membawa masuk dan keluar barangan menggunakan sampan berlaku setiap hari dan sepanjang masa walaupun terdapat penguatkuasa Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen dan Tentera Darat.

DAPATAN KAJIAN

Isu-isu dalam aktiviti ekonomi sempadan

Dalam aspek penyeludupan, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) diberi tanggungjawab dalam membantah kegiatan penyeludupan barangan dan manusia melalui sempadan. Terdapat beberapa jenis barangan yang kerap di seludup masuk/keluar melalui perairan Sungai Golok. Antara barangan utama yang di seludup keluar dari Malaysia ialah barangan bersubsidi seperti gula, minyak masak dan bahan keperluan dapur yang lain. Kekurangan gula yang berlaku di pasaran menjadi gambaran bahawa wujudnya kes-kes penyeludupan terhadap gula. Hal ini akan menjadi petunjuk bagi pihak UPP untuk memperkemaskan jentera operasi bagi membantah kes-kes penyeludupan terhadap gula. Penawaran minyak masak di pasaran menjadi persoalan apabila stok yang dibekalkan ke pasaran setiap negeri tidak mencukupi. Ketidacukupan bekalan akan mengalihkan fokus tangkapan pihak UPP terhadap kes penyeludupan minyak masak.

Secara amnya tugas UPP adalah bertanggungjawab dalam mencegah dan membantah penyeludupan. Dalam hal ini UPP bertanggungjawab dalam menjalankan tugas gerak gempur di kawasan-kawasan panas (hotspot) penyeludupan. Sungguhpun demikian, tugas ini turut sama dijalankan oleh pasukan keselamatan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen dan Tentera Darat (ATM). Bantuan yang diberikan oleh agensi-agensi penguatkuasaan ini telah membantah meringankan beban tugas UPP sebagai sebuah unit yang kecil dalam usaha mencegah masalah penyeludupan. Kerjasama beberapa agensi ini dapat mengalihkan tugas UPP daripada menumpukan perhatian kepada aktiviti mencegah penyeludupan kepada menjalankan sekatan jalan raya. Sekatan jalan raya yang dijalankan juga merupakan sebahagian aktiviti membantah kes-kes penyeludupan.

Penyeludupan barangan berlaku sama ada dalam kuantiti yang kecil atau besar. Penyeludupan masuk dalam kuantiti yang kecil, misalnya 10 kilogram beras biasanya untuk kegunaan harian. Penduduk yang tinggal berdekatan sempadan sememangnya menggunakan beras siam sebagai makanan ruji mereka. Mereka lebih menggemari beras siam berbanding beras tempatan. Selain itu, terdapat bentuk penyeludupan yang bersaiz besar menggunakan sindiket. Penyeludupan jenis ini sememangnya bertujuan untuk perniagaan dan mencari keuntungan yang tinggi serta mengelak daripada membayar cukai. Penyeludupan keluar barangan bersubsidi seperti gula dan minyak masak berkala besar boleh merugikan negara. Penyeludupan masuk barangan seperti beras dan pakaian berjenama tiruan akan menjejaskan perkembangan industri tempatan dan bakal memberi impak yang negatif terhadap industri tempatan. Risiko ini seterusnya akan menjejaskan kestabilan ekonomi negara sekiranya tidak dipantau secara menyeluruh.

Penyeludupan barangan berbahaya seperti senjata api akan mendatangkan bahaya kepada masyarakat dan menjejaskan keamanan negara. Penguatkuasaan ke atas penyeludupan juga bertujuan untuk menjaga kemaslahatan rakyat Malaysia. Pemberian subsidi oleh kerajaan dalam pelbagai bentuk seperti pemberian baja subsidi, gula, tepung, minyak masak, petrol dan diesel. Subsidi yang diberikan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan rakyat umum agar dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa. Bagaimanapun terdapat sesetengah pihak yang menanggung di air keruh tanpa rasa bersalah menyeludup barangan bersubsidi tersebut ke negara jiran. Hal ini mendatangkan kerugian kepada kerajaan yang telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan untuk subsidi sedangkan ianya turut dinikmati oleh rakyat negara lain.

Biarpun dunia sudah menjangkau era 20-an, namun bagi penduduk di sekitar Rantau Panjang dan Pekan Sungai Golok, Sungai Golok merupakan laluan utama untuk mereka menjalankan aktiviti seharian. Ini berikutan struktur geografinya yang strategik kerana jarak yang lebih dekat untuk mereka berhubung antara satu sama lain. Bagi penduduk di sini, tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mereka menjalankan aktiviti urusan niaga walaupun barangan yang dibawa masuk dan keluar tidak melalui pemeriksaan yang sah oleh pihak kastam dan imigresen.

Masalah penyeludupan yang berlaku di sepanjang perairan sempadan Malaysia - Thailand merupakan masalah yang harus dipikul bukan sahaja oleh UPP sebagai unit yang mencegah

penyeludupan, sebaliknya ia harus ditangani bersama oleh pasukan keselamatan lain yang turut terlibat secara langsung mahupun tidak. Ini kerana UPP hanya ditugaskan untuk membuat tangkapan dan penyerahan. UPP tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendakwa kesalahan terbabit kerana kes tersebut adalah di bawah bidang kuasa pasukan lain. Sebagai contoh, sekiranya tangkapan yang dibuat adalah daripada kategori barangan kawalan maka pihak yang bertanggungjawab untuk membuat pendakwaan adalah Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Sebaliknya, jika tangkapan tersebut melibatkan barangan yang melibatkan cukai dan dilarang seperti rokok, arak, dadah dan mercun, pendakwaan akan diserahkan kepada JKDM. Selain daripada itu, Jabatan Imigresen akan melaksanakan pendakwaan jika hasil tangkapan daripada pihak UPP melibatkan pendatang tanpa izin (PTI).

Berikut merupakan kawasan dan bentuk operasi yang dijalankan oleh pasukan keselamatan dalam mengawal kawasan persempadanan Malaysia – Selatan Thailand:

- i) Pihak UPP bekerjasama dengan PGA di bawah *operasi wawasan* di mana operasi ini melibatkan kawasan sekitar Rantau Panjang sehingga kawasan Pangkalan Kubor, Tumpat. UPP merupakan barisan kedua yang menjalankan tanggungjawab di kawasan terbabit yang berbentuk 'strikeforce'.
- ii) Bermula dari kawasan Rantau Panjang ke Jeli, operasinya dikenali sebagai *operasi merpati* yang melibatkan kawalan daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Meskipun tugas ini di luar bidang kuasa ATM, namun atas arahan pihak kerajaan ATM turut mengembling tenaga bagi menangani masalah penyeludupan ini.
- iii) Kesan positif dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA yang berjaya mengurangkan kadar jenayah telah mengalihkan tugas Polis dan PGA kepada kawalan kawasan *hotspot*. Tempat mereka diganti oleh ATM yang akan mengawal di kawasan *operasi wawasan* sehingga ke Pengkalan Kubor. Pengambilalihan tugas oleh ATM adalah berterusan selama enam bulan. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada keputusan Perdana Menteri. Hal ini kerana tempoh enam bulan adalah tempoh untuk menguji kredibiliti pasukan ATM dalam menjalankan bidang tugas yang berbeza daripada asalnya iaitu peperangan konvensional. Walau bagaimanapun, sekiranya tugas ini dapat dilakukan dengan baik dan memenuhi kriteria yang sepatutnya, maka pihak berkuasa akan melanjutkan tempoh tugas mereka dalam menangani isu penyeludupan.

Sebelum ini, Pasukan Gerak Am (PGA) dan UPP bekerjasama di bawah *operasi wawasan* yang meliputi kawasan Rantau Panjang sehingga ke Pengkalan Kubor. Bagaimanapun selepas itu Tentera Darat telah mengambil alih tugas PGA dalam mengawal sempadan perairan antara Malaysia dan Selatan Thailand. Bagaimanapun Tentera Darat lebih berpengalaman dalam aspek peperangan konvensional mempunyai masalah dalam mengambil alih tugas PGA yang mempunyai tugas khusus untuk mengawal sempadan. Keadaan ini menampakkan sedikit kelonggaran di bahagian penguatkuasaan di sempadan serta memberi pandangan yang negatif bahawa Tentera Darat tidak dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya menyebabkan pintu sempadan mudah untuk dicerobohi. Walau bagaimanapun, Tentera Darat tetap mempunyai cara mereka yang tersendiri dalam menjalankan tugas membantu pasukan keselamatan lain untuk mencegah aktiviti penyeludupan ini. Sehubungan itu, semua pasukan keselamatan iaitu UPP, PDRM, KDRM dan ATM turut melaksanakan operasi bersepadu iaitu ketiga-tiga pasukan bekerjasama dalam melakukan operasi bagi mencegah aktiviti penyeludupan ini.

Dalam aspek penguatkuasaan, pihak pasukan keselamatan sentiasa bekerjasama bagi mengekang penyeludupan daripada terus berleluasa. Daripada kawalan sempadan hinggalah *strikeforce* pasukan keselamatan berjaya melaksanakan tanggungjawab biarpun wujud pelbagai masalah. Sekatan jalan raya dapat menghalang laluan masuk dan keluar barangan seludup. Namun, tidak dinafikan terdapat barangan seludup yang berjaya menembusi sempadan melalui pelbagai taktik. Pihak penguatkuasa tetap akan cuba menggagalkan usaha penyeludup dengan mengeledah stor-stor yang dipercayai menyimpan barangan seludup. Misalnya dalam kes penyeludupan beras berskala besar, pihak penguatkuasa akan mengenakan tindakan lain mengikut prosedur perundangan yang ditetapkan. Pihak penguatkuasa akan melihat kepada invois barangan sama ada barangan tersebut beserta invois atau sebaliknya. Invois adalah bukti bahawa barangan tersebut merupakan barangan yang dijual beli secara sah di dalam negara. Sebaliknya, tanpa invois barangan tersebut boleh diragui statusnya. Sekiranya penyeludup sempat mengeluarkan invois bagi barangan yang diseludup tersebut, pihak penguatkuasa akan bertindak mengambil invois. Tindakan pihak penguatkuasa ini akan melambatkan proses penyelesaian barangan tersebut. Ini akan menyebabkan modal penyeludup tersekat di samping kenderaan yang digunakan juga akan disita. Barangan yang diseludup juga kemungkinan besar turut

sama disita kerana prosedur dokumentasi yang tidak lengkap. Prosedur ini turut mengambil masa sekurang-kurangnya sebulan dan akan menyebabkan penyeludup kehilangan modal.

Cabaran pihak berkuasa dalam kes penyeludupan

UPP sentiasa telus dalam menjalankan tugas mereka bagi mencegah penyeludupan dalam menjaga keharmonian dalam negara. Dalam kesungguhan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan terdapat pelbagai halangan yang harus ditempuh. Sebagai penguatkuasa undang-undang pastinya halangan yang dilalui mereka amat mencabar. Dalam menguatkuasakan undang-undang itu sendiri sudah cukup untuk menjadikan mereka unit yang mempunyai daya tahan yang tinggi. Ini kerana dalam hal penyeludupan, terdapat beberapa kes yang tidak dapat dipastikan sama ada ia merupakan kes penyeludupan atau sebaliknya.

Dalam kes penyeludupan lembu sebagai contohnya, lembu yang dibawa masuk melalui Sungai Golok tidak dapat dikenalpasti sama ada ianya diseludup atau sebaliknya kerana tiada perbezaan antara lembu Malaysia dan Thailand. Setiap lembu seludup yang naik ke tebing sungai akan dianggap sebagai lembu Malaysia. Sehubungan dengan itu, lembu-lembu yang dimiliki oleh penduduk tempatan perlu melalui proses pendaftaran. Proses pendaftaran ini diserahkan di bawah tanggungjawab penghulu tempatan. Penghulu ditugaskan menjalankan proses pendaftaran lembu tempatan dengan meletakkan cop bernombor pada lembu tersebut. Dengan ini, hanya lembu-lembu yang mempunyai cop bernombor pada kulitnya sahaja yang diisytihar sebagai lembu tempatan. Walau bagaimanapun, kes penyeludupan lembu tetap tidak reda. Ini kerana terdapat sebilangan penghulu yang tidak telus bertindak mendaftarkan lembu-lembu yang diseludup dari Thailand. Keadaan ini menjadikan lembu-lembu dari Thailand turut menjadi lembu tempatan dan tidak wujud penyeludupan lembu apabila tiada tangkapan penyeludupan lembu yang dapat dilakukan meskipun hakikatnya adalah sebaliknya.

Penyeludupan lembu berlaku kerana kekangan yang dihadapi bagi membawa masuk lembu dari negara jiran ke Malaysia. Hal ini berlaku apabila lembu yang diseludup dikehendaki melalui proses kuarantin. Proses ini dilakukan kerana dikhuatiri lembu-lembu tersebut dijangkiti penyakit. Masalah penyakit berjangkit ini akan merebak ke dalam negara jika tidak melalui proses kuarantin. Oleh yang demikian, proses kuarantin akan menyebabkan kerugian kepada pihak pemilik lembu kerana lembu-lembu tersebut tidak dapat dijual dengan kadar segera. Ini akan melambatkan hasil pulangan kepada pemilik lembu. Oleh sebab itu, jalan mudah bagi mendapatkan pulangan dengan segera adalah secara menyeludup.

Selain itu, pihak UPP turut menghadapi masalah dalam mengambil tindakan undang-undang apabila beras yang telah memasuki sempadan masuk ke dalam sesebuah stor. Hal ini kerana penyeludup boleh mengeluarkan invoice pembelian tempatan yang membuktikan bahawa beras tersebut merupakan beras tempatan. Di samping itu, penguatkuasaan juga sukar dilaksanakan apabila beras yang diseludup sudah memasuki pasar untuk diniagakan. Ini kerana pihak bertanggungjawab sukar untuk membuktikan bahawa beras tersebut merupakan beras yang diseludup.

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa adalah masalah pengawalan sempadan yang berkait rapat dengan sistem penempatan di kawasan ini. Sistem penempatan yang berdekatan dengan sempadan menyebabkan penguatkuasa sukar untuk melaksanakan pengawalan. Hal ini berlaku apabila tiada penguatkuasaan dari pihak kerajaan tempatan di mana mereka diberi kelonggaran untuk membina penempatan di kawasan berhampiran sempadan. Ini mengundang permasalahan kepada pihak bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang penyeludupan. Di samping itu, kawasan bebas cukai merupakan kawasan yang sukar untuk dikuatkuasakan disebabkan oleh terdapat perkampungan, sekolah, kedai dan masjid di dalam kawasan tersebut. Hal ini memudahkan penyeludup untuk membawa masuk barangan yang diseludup ke kawasan bebas cukai, seterusnya dengan mudah menyeludup barangan tersebut ke dalam negara tanpa pengenaan cukai yang sepatutnya.

Tambahan pula, kawasan bebas cukai turut dilengkapi dengan stor simpanan barangan kawalan. Ada di antara stor-stor ini yang berlesen, sebaliknya terdapat juga stor-stor yang tidak mempunyai lesen simpanan barangan kawalan. Hal ini menyukarkan pihak berkuasa untuk menjalankan penguatkuasaan disebabkan oleh bilangan stor yang banyak. Dalam hal ini, penyeludup akan menyimpan barangan yang diseludup di dalam stor-stor simpanan dan kemudiannya akan menyeludup barangan tersebut ke sempadan menggunakan gelongsor yang terus ke dalam sampan yang diletakkan di pangkalan haram. Penyeludup juga turut menjadikan rumah kediaman mereka sebagai stor untuk menyimpan barangan yang akan diseludup. Apabila keadaan dirasakan agak selamat, penyeludup akan membawa barangan seludup tersebut dari rumah mereka ke dalam kawasan zon bebas cukai. Stor-stor penyimpanan barang kawalan dikawalselia oleh bahagian perlesenan, Majlis Daerah Pasir Mas (cawangan Rantau Panjang). Pemberian lesen adalah bergantung kepada syarat-

syarat tertentu. Sekiranya sesebuah stor tersebut memenuhi syarat yang ditetapkan maka permohonan lesen akan diluluskan kepada stor-stor tersebut.

Terdapat juga penoreh getah yang datangnya dari Selatan Thailand. Warganegara Thailand ini mengambil upah dengan menoreh getah kepunyaan rakyat Malaysia yang terletak di kawasan Rantau Panjang. Setiap hari mereka akan memasuki negara ini melalui sungai. Laluan ini lebih mudah bagi mereka berbanding terpaksa melalui jambatan yang melibatkan pelbagai prosedur yang harus diikuti. Masalah ini menjadi dilema kepada pihak berkuasa untuk menjalankan tugas kerana mereka datang bersama isteri dan anak-anak. Jika ditahan anak-anak yang tidak bersalah turut ditahan dan ditempatkan di depoh tahanan. Hal ini adalah tidak adil bagi anak-anak tersebut.

Kes penyeludupan yang membabitkan pendatang tanpa izin (PATI) bukan sahaja memberikan masalah dari sudut penyeludupan itu sendiri, malah kes tersebut turut memberikan masalah dari sudut prosedur untuk mendakwamereka kerana pihak tentera darat misalnya, tidak mempunyai kuasa pendakwaan. Jalan penyelesaian mudah adalah menghantar pendatang tanpa izin ini menyeberangi sempadan Sungai Golok dengan harapan mereka pulang semua ke negara asal mereka. Tetapi malangnya, kebanyakan pendatang tanpa izin tersebut tidak kembali ke negara mereka tetapi menunggu peluang untuk masuk semula ke negara ini secara tidak sah melalui Sungai Golok. Bagi pendatang tanpa izin yang datang dari Myanmar pula, pihak bertanggungjawab tidak dapat melakukan penghantaran pulang disebabkan oleh keengganan pihak kerajaan Myanmar untuk menerima warganegara mereka. Keengganan ini adalah disebabkan oleh faktor perbezaan agama yang dianuti oleh pendatang tanpa izin ini. Sehubungan itu, pendatang tanpa izin ini lebih rela untuk berada di Malaysia biarpun beberapa kali ditahan oleh pihak berkuasa. Faedah yang dinikmati oleh pendatang tanpa izin ini semasa dalam tahanan membuatkan mereka lebih selesa untuk berada di Malaysia berbanding pulang ke negara asal mereka.

Berhubung dengan masalah PATI, pihak UPP juga sukar mengesan kehadiran PTI apabila terdapat banyak penggunaan kenderaan bernombor pendaftaran Thailand. Kebanyakan penduduk di sekitar sempadan lebih gemar menggunakan kenderaan Thailand lebih-lebih lagi kenderaan jenis motosikal. Harga kenderaan yang lebih rendah di Thailand berbanding Malaysia menjadi punca penduduk berminat membeli kenderaan dari Thailand. Disebabkan ramai di kalangan penduduk tempatan yang menggunakan kenderaan Thailand maka sukar bagi pihak UPP untuk mengenalpasti PATI yang sebenar. Hal ini kerana terdapat juga PATI yang memasuki negara menaiki kenderaan persendirian bernombor pendaftaran Thailand. Mustahil bagi pihak UPP untuk memeriksa kesemua kenderaan bernombor pendaftaran Thailand disebabkan ramai penduduk Rantau Panjang menggunakan kenderaan berkenaan.

Selain daripada masalah penyeludupan, kawasan sempadan ini juga menjadi tempat longgokan 'kenderaan sakit' terdapat di sempadan. Istilah 'kenderaan sakit' digunakan kepada kenderaan yang digunakan oleh penyeludup untuk menyeludup masuk barangan dari Thailand dan ditinggalkan oleh penyeludup yang menyelamatkan diri setelah aktiviti mereka dihidu oleh pihak penguatkuasa. Dalam hal ini, pihak UPP terpaksa menyelesaikan urusan kenderaan tersebut dengan pelbagai pihak lain termasuklah pihak JKDM dan bank. Pihak JKDM akan berurusan dengan pihak bank dalam menyelesaikan masalah kenderaan tersebut. Seterusnya, kes akan dibawa ke mahkamah bagi mengenalpasti identiti kenderaan tersebut sama ada kenderaan itu memang digunakan oleh penyeludup dalam aktiviti penyeludupan atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, sekiranya kes tersebut tidak dapat diselesaikan maka proses penyerahan kenderaan tidak dapat dilakukan. Lebih merumitkan apabila 'kenderaan sakit' tersebut berlainan setiap komponennya. Dalam kata lain kenderaan tersebut menggunakan enjin yang lain dan rangka kenderaan juga lain. Akibatnya, kenderaan tersebut akan dilonggokkan di bawah JKDM. Disebabkan kes penyeludupan ini sukar dibendung atau pemilikan kenderaan yang tidak dapat diselesaikan secara perundangan, maka banyaklah kenderaan yang terpaksa disimpan.

Kebanyakan penduduk di sempadan Thailand menerima pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan sekitar Sungai Golok. Kawasan ini menjadi pilihan penduduk sempadan Thailand kerana sistem persekolahannya yang memenuhi kehendak mereka yang lebih meminati pendidikan berteraskan Islam. Jarak persekolahan yang dekat dengan menaiki sampan menyusuri Sungai Golok menyebabkan ia menjadi laluan utama bagi pelajar-pelajar untuk ke sekolah. Berbanding laluan menggunakan jambatan yang agak jauh serta perlu memenuhi prosedur tertentu, maka tidak hairanlah penduduk sebelah Thailand menjadikan sungai tersebut sebagai laluan utama mereka.

Harga petrol dan diesel di Malaysia yang secara relatifnya lebih rendah berbanding harga di Thailand ekoran pemberian subsidi oleh kerajaan Malaysia menyebabkan ramai penyeludup yang mengambil kesempatan menyeludup barangan ini ke Thailand. Penyeludupan minyak petrol dan diesel amat menguntungkan penyeludup kerana harga barangan ini jauh lebih tinggi di Thailand. Bagaimanapun penyeludupan petrol dan diesel jarang berlaku di sepanjang pekan Sungai Golok dan

zon bebas cukai Rantau Panjang. Sebaliknya, penyeludupan petrol dan diesel lebih banyak berlaku di sepanjang perairan di luar zon bebas cukai, terutamanya perairan sempadan daerah Tumpat dan selatan Thailand.

Dalam menguatkuasakan undang-undang, pihak UPP turut mengalami kekangan tertentu. Kekangan tersebut berlaku apabila pihak UPP tidak dapat melaksanakan penguatkuasaan sekiranya berlaku kejadian seperti barangan yang diseludup telah melintasi sempadan negara dan memasuki pasaran yang lebih jauh dari sempadan seperti pasar di Wakaf Baru dan pasar di Wakaf Che Yeh, Kelantan. Keadaan ini menyukarkan proses tangkapan kerana sukar untuk membuktikan barangan tersebut sama ada barangan yang diseludup atau sebaliknya. Hal ini banyak berlaku bagi barangan keperluan seperti beras. Pihak UPP sukar membuktikan kes tersebut kerana beras tersebut sama sepertimana beras yang masuk mengikut prosedur yang sah. Tindakan tidak boleh diambil ke atas peniaga atas kesalahan menyimpan barangan seludup kerana mereka tidak mengetahui status beras tersebut.

Seperti mana pihak UPP, demikian juga halnya pihak JKDM yang menghadapi pelbagai halangan dalam melaksanakan tugas mereka mengutip hasil negara. Bagi pihak JKDM, agak sukar untuk mengutip hasil secara lebih efisien kerana cukai yang seharusnya dikutip tidak dapat dilakukan apabila banyak barangan yang dibawa masuk ke zon bebas cukai secara tidak sah melalui Sungai Golok. Dengan adanya sekolah, penempatan, kedai dan masjid dalam kawasan bebas cukai maka pihak JKDM tidak dapat untuk melakukan pengawalan sebagaimana sepatutnya.

Menurut pendapat seorang ahli panel penyeludupan berlaku adalah disebabkan faktor kemanusiaan iaitu adanya hubungan kekeluargaan mahupun hubungan persahabatan antara penduduk di kedua-dua wilayah. Penyeludupan di zon bebas cukai Rantau Panjang berlaku disebabkan aktiviti penyeludupan merupakan satu 'pekerjaan' mereka sejak turun temurun dan mereka menganggap bukan satu aktiviti yang menyalahi undang-undang. Beliau juga mengakui terdapat beberapa kelemahan dari segi penguatkuasaan undang-undang di mana pengimport dan pengeksport terpaksa melalui beberapa check-point dengan pelbagai bentuk dokumen tertentu dari segi borang dan pengesahan. Selain kesukaran ini, kos menunggu dan kos birokrasi ini agak tinggi berbanding menyeludup melalui Sungai Golok dengan kos yang rendah dan jangka masa yang lebih pendek. Antara akta yang digunapakai ialah Akta Kastam 1964, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Pengangkutan Jalan bagi yang terlibat dengan pengubahsuaian kenderaan. Walau bagaimanapun, akta yang ada ini memerlukan lebih ramai anggota untuk penguatkuasaan yang berkesan. Jika berdasarkan keadaan semasa, bilangan anggota tidak mencukupi untuk memastikan penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Beliau juga sependapat dengan ahli panel lain yang mengatakan keadaan geografi sempadan yang hanya dipisahkan oleh Sungai Golok yang sempit dan panjang menyebabkan berlakunya maklumat tak simetri dan sukar dikawal.

Menurut pendapat ahli panel yang lain, walaupun wujudnya penyeludupan barangan tetapi pada pandangannya penyeludupan sebenar adalah penyeludupan migran kerana ianya memberi kesan yang besar terutama selepas krisis yang berlaku yang berlaku di selatan Thailand. Tambah beliau lagi, penyeludupan migran berlaku atas tiga faktor utama iaitu jarak yang terlalu hampir antara ke dua-dua sempadan serta disebabkan karenah penguatkuasaan yang tidak menjurus kepada pertuduhan. Ini berlaku apabila wujudnya sindiket di luar kawasan seperti di Thailand iaitu bukan di bawah kawalan undang-undang Malaysia. Faktor ketiga adalah sejarah orang Kelantan dan Narathiwat. Sejak zaman dulu orang Kelantan mencari rezeki dengan menoreh getah di Narathiwat, sebaliknya zaman sekarang pula orang Narathiwat datang ke Kelantan untuk menoreh.

Menurut ahli panel terdapat dua jenis penyeludupan iaitu penyeludupan masuk dan penyeludupan keluar. Penyeludupan masuk berlaku adalah disebabkan adanya sekatan di pihak Malaysia seperti tarif mahupun permit atas alasan menjaga industri dalam negara dan keselamatan negara. Sebagai contoh kain batik dari seberang disekat kemasukannya untuk menjaga industri batik di Kelantan. Penyeludupan keluar pula adalah disebabkan adanya permintaan terhadap barangan subsidi Malaysia yang harganya lebih murah seperti minyak masak, gula, gandum, petrol dan diesel. Penyeludupan ini berlaku disebabkan terdapatnya permintaan yang tinggi di Thailand akibat harga jualan yang tinggi.

Seorang ahli panel mengesahkan bahawa penyeludupan sememangnya berlaku di sepanjang Sungai Golok dan di kaunter pemeriksaan. Aktiviti penyeludupan berlaku tidak kira masa tetapi lebih aktif selepas pukul 10 malam. Ini disebabkan oleh adanya permintaan barangan yang tinggi sama ada dari rakyat tempatan mahupun pelancong.

KESIMPULAN

Aktiviti membawa masuk dan keluar barangan melalui Sungai Golok berlaku sejak dahulu lagi sehingga masyarakat yang bersempadan menganggap aktiviti itu tidak menyalahi peraturan. Ini disebabkan kebanyakan masyarakat di kedua-dua wilayah ini mempunyai tali persaudaraan antara satu sama lain sehinggalah wujudnya persempadanan yang sah antara kedua-dua buah negara. Aktiviti membawa masuk dan keluar barangan secara tidak sah melalui Sungai Golok tidaklah mendatangkan kesan yang besar kepada ekonomi negara jika barangan yang dibawa pada skala yang kecil untuk kegunaan keluarga. Bagaimanapun masalah yang lebih besar timbul apabila barangan yang di bawa masuk dan keluar tersebut dalam kuantiti yang besar untuk tujuan mendapat keuntungan. Barangan bersubsidi seperti gula, minyak masak, tepung gandum, petrol dan diesel boleh memberi kesan kepada ekonomi negara apabila barangan tersebut dibawa keluar ke Thailand untuk tujuan mendapat keuntungan disebabkan harga yang lebih tinggi di sana. Penyeludupan barangan berbahaya seperti senjata apiboleh menjejaskan keamanan negara serta perlu dibendung. Begitu juga penyeludupan masuk manusia secara tidak sah ke negara ini boleh mendatangkan masalah sosial kepada negara.

Kesungguhan pihak berkuasa seperti UPP, JKDM, ATM, PGA dan PDRM dalam membentaras kes penyeludupan di Sungai Golok harus dihargai. Bagaimanapun beberapa perubahan perlu dilakukan bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. Antaranya seperti perubahan akta tertentu yang memberi lebih kuasa kepada semua agensi untuk menangkap dan mendakwa penyeludup. Penguatkuasaan di bahagian sempadan sebaiknya diberikan kepada imigresen kerana pihak imigresen mempunyai akta untuk mengawal kemasukan orang luar dan sebaliknya. Apabila keluar masuk manusia dapat dikawal, secara automatik keluar masuk barang seludup juga dapat dikawal kerana barangan tidak boleh bergerak sendiri.

Seterusnya, persempadanan antara Malaysia Thailand perlu dikaji semula bagi meminimumkan kes penyeludupan kerana Sungai Golok yang sempit dan panjang. Sempadan tersebut dilebarkan lagi atau dijarakkan lagi bagi mengurangkan aktiviti penyeludupan. Ini memerlukan kepada penelitian terhadap kedudukan geografi Malaysia-Thailand di sempadan Sungai Golok ini. Sebelum ini telah ada cadangan untuk menyediakan *bumper zone* di sebelah zon bebas cukai supaya rumah-rumah haram yang dibina ditebing sungai dapat dirobohkan. Kewujudan *bumper zone* dalam jarak sekitar 50 hingga 100 meter dapat memudahkan pemantauan pihak berkuasa terhadap aktiviti penyeludupan. Namun kerana kos yang tinggi cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Justeru, kini cadangan tersebut harus dikaji semula mungkin boleh dilaksanakan bagi mengurangkan isu penyeludupan kerana faktor utama penyeludupan berlaku adalah kerana Sungai Golok yang sempit dan panjang serta penempatan ditebing sungai yang memudahkan aktiviti penyeludupan.

RUJUKAN

- Andreas, P. (2000) *Border Games: Policing the US–Mexico Divide*. NY: Cornell University Press.
- Bernama. (2010). *Kurangan Aktiviti Penyeludupan*. Utusan online dicapai melalui www.utusan.com.my
- Bruns, B; Miggelbrink, J. & Muller, K. (2011). *Smuggling and Small-Scale Trade as Part of Informal Economic Practices – Empirical Findings from the Eastern External EU Border* (pre-print paper), Germany: Emerald Group Publishing Limited.
- Donnan, H. & Wilson, T.M. (1999) *Borders: Frontiers of Identity, Nation and State*. New York : Oxford University Press
- Gruber J., Sen A. and Stabile M. (2003). *Estimating prices elasticities when there is smuggling: The sensitivity of smoking to price in Canada*, NBER working paper series 8962, National Bureau of Economic Research, Cambridge.
- Honey, M. (1999). *Ecotourism and Sustainable Development. Who owns Paradise?* Washington D.C: Island Press.
- Jauhariatul Akmal Johar. (2011). *Rantau Panjang Lengah*. Berita Harian Onlinedicapai melalui www.bharian.com.my
- Laporan Portal Maritim Malaysia. *Kesalahan-Kesalahan di Bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235)* dicapai melalui www.mmea.gov.my
- Lovely M.E. and Nelson D. (1995). Smuggling and welfare in a Ricardo-Viner economy. *Journal of economics studies*, Vol. 22, No 6, pp 26-45.
- Martin L. and Panagariya A. (1983). *Trade barriers and enforcement in an economy with endogenous smuggling*, manuscript, University of Maryland.

- Mohamed Nasir Hassan. (2012). *Kementerian Pelancongan Akan Terus Majukan Industri Pelancongan Di Kelantan*. Bernama Online dicapai melalui www.bernama.com
- Mohd Razman Abdullah. (2009). *Penyeludupan Nadi Ekonomi Kepada Masyarakat Sempadan*. Bernama Online dicapai melalui www.bernama.com
- Ohmae, K. (1990) *The Borderless World*. New York: HarperCollins.
- Pavlovich-Kochi, V., B.J. Morehouse and D. Wastl-Walter (eds) (2004) *Challenged Borderlands: Transcending Political and Cultural Boundaries*. Aldershot: Ashgate.
- Pitt M. (1981). Smuggling and price disparity, *Journal of International Economics*, 11(4). Pp. 447-458.
- Schoenberger, L. & Turner, S. (2008). Negotiating Remote Borderland Access: Small-Scale Trade on the Vietnam–China Border. *Development and Change*, 39(4), pp. 667–696
- Sheikh M (1986), Smuggling, production and welfare, *Journal of International Economics*, Vol 4, No 4, pp. 355-364.
- Tajul Ariffin Masron, Afizar Amir dan Haslindar Ibrahim (2011). Underground economy in Malaysia: Evidence from smuggling activities in Penang. *International Journal of Current Research*, 3(5).



RAJAH 1: Antara pengkalan haram yang wujud di pesisir Sungai Golok.